



POLISI SISTEM PENGURUSAN BERINTEGRASI (PENGURUSAN KUALITI, KESELAMATAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR)

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah komited untuk :

1. Memberi perkhidmatan terbaik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memenuhi keperluan pelanggan.
2. Menyediakan dan mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif bagi mencegah kecederaan dan penyakit di tempat kerja termasuk kesan persekitaran dari aktiviti dan perkhidmatan Majlis.
3. Mewujudkan objektif dan sasaran kualiti perkhidmatan, keselamatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar selaras dengan dasar MBMB dan melaksanakannya.
4. Mematuhi semua tuntutan pematuhan terhadap perkhidmatan yang diberikan, keselamatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar serta lain-lain keperluan yang termaktub di dalam akta seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 ; Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan mana-mana akta, enakmen termasuk kaedah, peraturan yang dibuat dibawahnya dan juga kod-kod amalan yang diterima pakai oleh Majlis.
5. Menyiasat semua punca risiko keselamatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar bagi mengurangkan bahaya keselamatan kesihatan pekerjaan dan impak persekitaran dari aktiviti dan perkhidmatan Majlis termasuk mencegah pencemaran dan melindungi persekitaran alam sekitar Bandaraya.
6. Menambahbaik sistem pengurusan berintegrasi yang dibangunkan di MBMB.
7. Melibatkan dan membimbing anggota kerja MBMB bagi memastikan warga kerja MBMB sentiasa dilatih tanpa mendatangkan risiko keselamatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar kepada warga bandaraya.

.....
Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman

Tarikh : 1 Jun 2023



POLISI ANTI RASUAH

1. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah komited untuk memastikan segala perkhidmatan dan tadbir urus dilaksanakan secara beretika, profesional dan berlandaskan undang-undang anti rasuah serta peraturan demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada pihak berkepentingan di samping memastikan kawalan serta penambahbaikan dijalankan secara strategik dan berterusan sesuai dengan tujuan dan konteks MBMB.
2. Polisi Anti Rasuah MBMB ini dibangunkan sebagai satu dari inisiatif untuk menjadikan MBMB terulung dalam tadbir urus terbaik dengan menyediakan rangka kerja untuk menetapkan, menyemak dan mencapai objektif anti rasuah. Oleh itu, MBMB tidak akan berkompromi dalam sebarang bentuk salah laku **RASUAH, SOGOKAN, SALAH GUNA KUASA dan TUNTUTAN PALSU** sama ada secara langsung atau tidak langsung yang boleh menjejaskan imej dan reputasi MBMB.
3. MBMB juga komited dalam mematuhi segala peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang lain yang berkaitan, dasar, pekeliling, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan bagi memastikan perkhidmatan berintegriti terpelihara.
4. Kejayaan MBMB untuk membanteras gejala rasuah, sogokan, salah guna kuasa dan tuntutan palsu di dalam MBMB memerlukan komitmen dan peranan semua pihak untuk membuat penambahbaikan berterusan kepada Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ISO 37001. Sekiranya terdapat mana-mana individu yang disyaki melakukan rasuah, salah guna kuasa dan tuntutan palsu, aduan boleh dibuat berdasarkan polisi yang telah ditetapkan oleh MBMB supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.
5. MBMB akan menjelaskan kuasa dan kebebasan Jawatankuasa Anti Rasuah dalam menjalankan fungsi pematuhan anti rasuah serta menjelaskan akibat yang akan diterima sekiranya polisi anti rasuah tidak dipatuhi.

.....
Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman

Tarikh : 1 Jun 2023